

Najib Lancar Pusat Ternakan Bersepadu Keningau, Projek Ternakan Terbesar Negara
Bernama
16 Jun, 2012

KENINGAU, 16 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak melancarkan Pusat Ternakan Bersepadu Keningau (KILC) yang merupakan pusat penternakan pertama negara pada skala besar.

Beliau berkata projek di bawah Koridor Pembangunan Sabah (SDC) yang berkeluasan 833.6 hektar bernilai RM763 juta itu, adalah sebahagian daripada inisiatif dalam Lembah Pengeluaran Makanan Pedalaman Sabah.

Najib berkata Ladang Nukleus Pembiakan KILC dijangka mempunyai 2,000 ekor lembu betina dan menghasilkan enam juta liter susu setahun yang dapat dibekalkan ke seluruh negara dan dieksport ke negara-negara jiran termasuk Brunei.

Beliau berkata pusat ternakan pertama di Sabah yang terletak di Sook, 50 kilometer dari pekan Keningau itu, melibatkan pelaburan ekuiti dari Brunei sebanyak 40 peratus dengan pelaburan pada peringkat awal RM120 juta.

"Ini kejayaan (penyertaan Brunei) yang boleh dibanggakan kerana kami memilih tempat bukan di Kuala Lumpur tetapi di sebuah daerah Pensiangan iaitu di sebuah kawasan pedalaman Sook," katanya pada majlis pecah tanah KILC dan majlis bersama rakyat di Sook, di sini.

Pada majlis itu, perdana menteri turut menyaksikan upacara memeterai Perjanjian Dasar Induk antara Pusat Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (Sedia) yang diwakili Timbalan Ketua Menteri Sabah Tan Sri Joseph Pairin Kitingan dan Annam Corporation yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Brunei Investment Agency (BIA) Hartini Abdullah.

Najib berkata projek seumpama itu adalah satu daripada kejayaan dalam perancangan membangunkan SDC dan sebahagian strategi untuk mentransformasi kawasan desa dan luar bandar.

"Apa yang kami lakukan dan sedang lakukan akan jadi kenyataan, bukan suatu impian yang kosong, bukan sesuatu yang tidak digapai oleh kita secara realiti.

"Sejak dahulu lagi kita telah mencapai kejayaan demi kejayaan, namun kita tidak harus berpuas hati kerana agenda pembangunan luar bandar tidak mungkin selesai dalam beberapa dekad," katanya.

Najib berkata kerajaan Barisan Nasional menerusi agenda pembangunan luar bandar dalam

Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) akan dapat disempurnakan dalam tempoh lapan tahun bagi membangunkan rakyat di negara ini.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata kejayaan yang dicapai negara itu atas dasar perancangan yang bersifat menyeluruh dan holistik selain berupaya mengurus ekonomi yang baik berbanding negara lain yang mengalami krisis ekonomi.

"Kami mempunyai peta jalan yang cukup jelas...kami tahu setiap kesusahan rakyat di negara ini dan apa keperluannya kerana kami ada pangkalan data yang cukup," katanya.

Dalam pada itu, Najib turut berkongsi kisah kejayaan seorang jutawan tenusu dari Keningau Datuk Yap Yun Fook yang bermula daripada mempunyai dua ekor lembu dan bermodalkan RM1,000 pada era 80-an.

"Kini, beliau mempunyai ladang ternak dan tenusu berkeluasan 110 hektar serta berteknologi tinggi dan canggih yang dapat menghasilkan sehingga 20 liter susu sekaligus meletakkannya sebagai pemilik dan pengusaha ternakan dan tenusu terbesar di negara ini," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=673587>